

26 JUL 2000

IPF-BN/I

IPF TIDAK KECEWA PERMOHONAN SERTA BN DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Parti Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF) tidak kecewa permohonannya menyertai Barisan Nasional ditangguhkan.

Malah, Presiden IPF Datuk M.G. Pandithan berkata keputusan Dewan Tertinggi BN untuk tidak menolak permohonan itu nyata memberi harapan untuk parti itu menyertai BN pada masa depan.

"Memandangkan kami tidak ditolak seperti yang berlaku empat tahun lepas, saya boleh nampak cahaya di hujung terowong. Masih ada peluang dan kami akan terus menyokong BN walau apa yang terjadi," katanya di sini hari ini.

Pandithan yang mengasaskan parti itu pada 1990 selepas dipecat daripada MIC dua tahun sebelum itu, berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Dewan Tertinggi BN yang bermesyuarat semalam bersetuju untuk menangguhkan permohonan empat parti untuk bergabung dalam BN.

Katanya IPF sebelum itu menulis surat kepada Perdana Menteri supaya memberikannya peluang.

Pandithan berkata beliau yakin BN akan menerima parti itu sebagai komponennya pada satu hari nanti.

Mengenai laporan bahawa beliau memohon temujanji dengan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Pandithan berkata beliau mahu menemui "musuh ketatnya" itu bagi membincangkan pelbagai isu membabitkan kaum India.

"Kami sudah bermusuhan selama 12 tahun lepas, dan kami tidak boleh begitu selama-lamanya. Ini merupakan masalah keluarga," kata Pandithan yang pertama kali berdepan dengan Samy selepas 12 tahun semasa berkempen untuk calon BN S. Sothinathan pada pilihan raya kecil Teluk Kemang bulan lepas.

Pandithan berkata pertemuan itu merupakan titik tolak dalam hubungan mereka dan rancangan beliau untuk bertemu Samy bukan untuk membincangkan kemungkinan beliau dan anggota IPF menyertai semula MIC.

"Hanya kerana kami dalam kapal berbeza tidak bermakna kami tidak bersatu. Saya tidak sabar lagi menunggu jawapan beliau (untuk bertemu)," kata Pandithan.

-- BERNAMA

AR ZS LAT MAI